



MALAYSIA

**GARIS PANDUAN DANA MUDAHCARA
(FACILITATION FUND)
VERSI 5.0**

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI**

1 Januari 2018

KANDUNGAN

Pengenalan	2
Misi dan Objektif	2
Kriteria dan Syarat Kelayakan	3
Skop Pembiayaan Dana Mudahcara	6
Perjanjian Dana Mudahcara	8
Kaedah Penyaluran Dana Mudahcara	8
Kaedah Permohonan	9
Pertanyaan	9
Tarikh Kuatkuasa	9
Pemakaian, Pengecualian, Peralihan, Kajian Semula dan Pindaan	10
Senarai Lampiran	11
Lampiran 1 – Format Kertas Cadangan	12
Lampiran 1A – Format <i>Preliminaries Detailed Abstract (PDA)</i>	17
Lampiran 1B – Format Perincian Komponen Dana Mudahcara	19
Lampiran 1C – Akuan Bersumpah	20
Lampiran 1D – Akuan bersumpah Kumpulan Profesional	21
Lampiran 1E – <i>Integrity Pact</i>	22

PENGENALAN

1. Kerajaan beriltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi melalui pendekatan baharu yang mengambil kira semua aspek pentadbiran dan sumber sedia ada. Penglibatan dan komitmen sektor swasta yang lebih padu dilihat sebagai pemacu ke arah mencapai hala tuju ini. Beberapa prinsip utama telah dikenal pasti sebagai asas penentu ukuran hubungan sektor awam dengan swasta. Salah satu daripadanya adalah galakan dan insentif untuk merangsang inovasi dan produktiviti sektor swasta.

MISI DAN OBJEKTIF

2. Misi Dana Mudahcara adalah untuk merangsang pelaburan swasta dalam bidang-bidang keutamaan strategik dengan objektif seperti berikut:

- 2.1. menyediakan sokongan untuk pelaburan baharu swasta sebagai insentif (termasuk *tipping point*) Kerajaan ke atas pelaburan yang direalisasikan;
- 2.2. menumpu kepada bidang keutamaan strategik Negara;
- 2.3. merangsang dan merealisasikan projek berskala sederhana dan besar dengan faedah ekonomi yang ketara; dan
- 2.4. memastikan idea terbaik sektor swasta diberi perhatian sewajarnya untuk menggalakkan inovasi dan persaingan.

KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN

3. Projek yang **layak dipertimbangkan** untuk kelulusan Dana Mudahcara hendaklah mempunyai kriteria berikut:

- 3.1. projek/pelaburan baharu (*new investment*) yang memberikan impak strategik atau sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara termasuk projek-projek dalam sektor-sektor keutamaan yang telah dikenal pasti dalam *National Key Economic Areas* dan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
- 3.2. kemajuan fizikal projek tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pembangunan projek/pelaburan baharu semasa permohonan dikemukakan;
- 3.3. nilai pelaburan tetap projek (*fixed investment*) tidak termasuk kos tanah seperti berikut:
 - (i) kos projek dalam lingkungan **RM100 juta** dan ke atas;
 - (ii) kos projek yang bernilai **RM50 juta** dan ke atas bagi sektor perkhidmatan kesihatan dan logistik; **ATAU**
 - (iii) bagi projek pelaburan domestik yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar atau yang melibatkan teknologi hijau yang bernilai tidak kurang daripada **RM20 juta**.
- 3.4. berdaya maju dari segi komersil dan *sustainable* dalam jangka panjang;

- 3.5. projek pembangunan yang terbengkalai dan bebas daripada sebarang tindakan undang-undang. Pemohon juga perlu membuktikan pelaburan yang dilaksanakan merupakan pelaburan baharu; dan
- 3.6. projek pembangunan hartanah yang memenuhi kriteria berikut:
- (i) Projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) yang diperakukan oleh Unit PPA1M, Jabatan Perdana Menteri atau Perbadanan Putrajaya;
 - (ii) projek pembangunan hartanah di kawasan baharu dibuka (*greenfield*) atau kawasan yang kurang membangun (*less developed areas*) di mana komponen yang dipohon mempunyai elemen *touch-point* dan memberi manfaat secara langsung kepada orang awam dan kawasan sekitar pembangunan projek;
 - (iii) pembangunan hartanah oleh Syarikat Melayu/Bumiputera di atas tanah Rizab Melayu, tanah wakaf dan tanah adat; **ATAU**
 - (iv) Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) yang diiktiraf Perbadanan PR1MA Malaysia yang tidak melibatkan pembelian secara *master en bloc* oleh Perbadanan PR1MA.

4. Projek-projek dengan kriteria berikut **tidak layak dipertimbangkan** bagi kelulusan Dana Mudahcara:

- 4.1. projek dalam sektor kewangan/perbankan;
- 4.2. projek melibatkan pembangunan hartanah (*property development*) yang dijual sepenuhnya **kecuali** perenggan 3.6 Garis Panduan ini;

- 4.3. projek di peringkat inkubator atau masih di peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D);
 - 4.4. projek pengambilalihan aset daripada syarikat sedia ada yang tidak melibatkan pelaburan baharu (contoh: *take over, mergers & acquisitions*);
 - 4.5. projek yang telah mendapat peruntukan **dan/atau** dibiayai oleh geran lain yang disediakan oleh Kerajaan bagi pembangunan projek;
 - 4.6. projek-projek perolehan Kerajaan;
 - 4.7. projek pelaburan di luar negara;
 - 4.8. projek yang mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap bantuan kewangan Kerajaan;
 - 4.9. projek yang mempunyai risiko yang sebahagian besar perlu ditanggung oleh Kerajaan; **ATAU**
 - 4.10. permohonan dana tambahan bagi projek-projek Dana Mudahcara yang telah diluluskan.
5. Syarikat yang memohon Dana Mudahcara hendaklah memenuhi **syarat kelayakan** seperti berikut:
- 5.1. Syarikat hendaklah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya sebanyak RM300,000.00 semasa perjanjian ditandatangani;

- 5.2. mempunyai hak milik ke atas tanah yang akan dibangunkan atau hak untuk melaksanakan projek atas tanah yang dicadangkan (seperti *Joint Venture Agreement*, *Power of Attorney*, Pajak dan lain-lain);
- 5.3. sekurang-kurangnya telah memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kelulusan mandatori dari lain-lain agensi berkaitan bagi memulakan pelaksanaan projek;
- 5.4. mempunyai kapasiti, keupayaan, kemahiran/kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan; dan
- 5.5. mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh atau berkeupayaan untuk mendapatkan pembiayaan bagi pelaksanaan projek.

SKOP PEMBIAYAAN DANA MUDAHCARA

6. Skop pembiayaan Dana Mudahcara merangkumi:
 - (i) pembinaan **infrastruktur asas** berdasarkan kepada sektor serta kemudahan lain yang didapati bersesuaian oleh Kerajaan; dan
 - (ii) elemen *touch-point* yang memberi manfaat secara langsung kepada orang awam dan kawasan sekitar pembangunan projek.
7. Peratusan pembiayaan Dana Mudahcara adalah seperti berikut:
 - (i) pelaburan baharu swasta:
sehingga **10%** daripada kos projek atau maksimum **RM200 juta** (yang mana lebih rendah); **ATAU**

- (ii) projek yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar atau teknologi hijau sehingga **15%** daripada kos projek atau maksimum **RM200 juta** (yang mana lebih rendah).
8. Dasar pemberian bantuan Dana Mudahcara adalah berasaskan *single customer limit* iaitu terhad kepada jumlah **RM200 juta** bagi mana-mana pemegang saham dalam syarikat.
9. *Single Customer Limit* didefinisikan seperti berikut:
- (i) individu (pemegang saham) tersebut mempunyai kaitan dalam syarikat:
- Syarikat Induk (*holding company*);
 - Anak Syarikat (*subsidiary*) kepada Syarikat Induk; **ATAU**
 - Syarikat Bersekutu (*associate company*).
- (ii) mempunyai pegangan saham dalam struktur pegangan saham syarikat yang memohon.
10. Permohonan syarikat akan **dibatalkan** sekiranya didapati melakukan perkara-perkara berikut:
- 10.1. memberikan maklumat yang tidak sah atau tidak benar bagi memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan Dana Mudahcara ini;
- 10.2. menjanjikan, menawarkan atau memberikan suapan rasuah kepada mana-mana pegawai dengan tujuan untuk mendapatkan kelulusan permohonan atau mempercepatkan urusan kelulusan atau setelah kelulusan Dana Mudahcara; **ATAU**

10.3. mengemukakan tuntutan palsu, khilaf atau apa-apa butir matan yang palsu atau tidak lengkap berkaitan spesifikasi projek atau kos projek yang telah dipersetujui dalam kontrak dan selepas projek siap.

11. Syarikat juga adalah disyaratkan menandatangani *Integrity Pact* dan Akuan Bersumpah seperti di **LAMPIRAN 1C, 1D dan 1E**, Garis Panduan Dana Mudahcara ini semasa mengemukakan permohonan dan semasa perjanjian Dana Mudahcara ditandatangani sekiranya permohonan diluluskan. Syarat-syarat ini merupakan satu bentuk pengisytiharan oleh syarikat untuk tidak melakukan perkara seperti di perenggan 10 atau apa jua bentuk pelanggaran atau kesalahan menurut peraturan Kerajaan dan Undang-Undang yang berkuatkuasa.

PERJANJIAN DANA MUDAHCARA

12. Setelah permohonan diluluskan, satu Perjanjian Dana Mudahcara hendaklah ditandatangani antara Kerajaan (UKAS), Pentadbir Dana yang dilantik oleh Kerajaan dan syarikat sebelum bantuan Dana Mudahcara dapat disalurkan.

13. Yuran guaman dan lain-lain kos yang berkaitan dengan penyediaan perjanjian dan penyaluran Dana Mudahcara hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat.

KAEDAH PENYALURAN DANA MUDAHCARA

14. Penyaluran Dana Mudahcara akan dibuat secara *lump-sum reimbursable* setelah keseluruhan projek (pelaburan swasta) disiapkan.

KAEDAH PERMOHONAN

15. Syarikat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang mengandungi maklumat permohonan seperti di **LAMPIRAN 1**. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2-14, Blok Menara
Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA

16. Kerajaan berhak mempertimbangkan jumlah dana yang bersesuaian dan semua keputusan Kerajaan berkenaan permohonan Dana Mudahcara ini adalah muktamad.

PERTANYAAN

17. Sebarang pertanyaan berkenaan Garis Panduan / Dana Mudahcara hendaklah diajukan ke talian: **03-8880 5937** atau faks: **03-8880 5880** atau E-mel: **feedback@ukas.gov.my**.

TARIKH KUATKUASA

18. Garis Panduan Dana Mudahcara Versi 5.0 Tahun 2018 ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

PEMAKAIAN, PENGEQUALIAN, PERALIHAN, KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN

19. Dengan berkuat kuasanya Garis Panduan Dana Mudahcara Versi 5.0 Tahun 2018 ini, maka Garis Panduan Dana Mudahcara Versi 4.0 Tahun 2015 adalah dibatalkan. Walau bagaimanapun, sebarang Perjanjian Dana Mudahcara yang telah ditandatangani dan kelulusan yang telah diberikan atau dibuat berdasarkan Garis Panduan Dana Mudahcara Versi terdahulu hendaklah terus berkuat kuasa.

20. Kerajaan berhak untuk mengkaji semula dan meminda Garis Panduan ini dari semasa ke semasa.

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 - Format Kertas Cadangan

- **Lampiran 1A** - Format *Preliminaries Detailed Abstract* (PDA)
- **Lampiran 1B** - Format Perincian Komponen Dana Mudahcara
- **Lampiran 1C** - Akuan Bersumpah
- **Lampiran 1D** - Akuan Bersumpah Kumpulan Profesional
- **Lampiran 1E** - *Integrity Pact*

FORMAT KERTAS CADANGAN

BIL	PERKARA	PERINCIAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
1.	Profil syarikat	Ringkasan profil syarikat	
2.	Pelan Perniagaan bagi projek yang akan dilaksanakan	a. Ringkasan Eksekutif projek; b. Objektif pelaksanaan projek; c. Latar belakang dan perincian skop projek; d. Status terkini fasa kemajuan projek dan gambar terkini; e. Maklumat kos projek; f. Maklumat berkaitan tanah/tapak projek; <u>dan</u> g. Strategi pemasaran.	
3.	Impak pelaburan / pelaksanaan projek	a. Kesan ekonomi kepada negara serta sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); b. Kesan kepada ekonomi setempat (<i>touch point</i> rakyat); c. Kesan kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) dan peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan; d. Sumbangan kepada peningkatan daya saing ekonomi negara; <u>dan</u> e. Pengurusan risiko projek.	
4.	Komponen Dana Mudahcara yang dipohon	Maklumat komponen Dana Mudahcara yang dipohon	
5.	Dokumen kewangan projek yang terperinci	a. Analisis IRR, ROE, ROI; <u>dan</u> b. Aliran tunai projek.	
6.	Senarai Lampiran	<u>LAMPIRAN A:</u> PERINCIAN PROFIL SYARIKAT	a. Borang-borang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti: - borang 9; - borang 24; <u>dan</u>

BIL	PERKARA	PERINCIAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
			<p>- borang 49.</p> <p>(b) Sebarang dokumen Perjanjian Usaha Sama (<i>Joint Venture Agreement</i>) yang ditandatangani untuk melaksanakan projek (sekiranya ada).</p>
		<p><u>LAMPIRAN B:</u> JADUAL PELAKSANAAN & PELAN PROJEK</p>	<p>a. Pengesahan status kemajuan projek oleh Arkitek pada tarikh permohonan;</p> <p>b. Jadual pelaksanaan projek/<i>construction timeline</i> mengikut fasa dalam versi <i>Microsoft Project</i> dengan menyatakan tarikh mula dibina dan tarikh projek siap dibina;</p> <p>c. <i>Layout plan</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembangunan projek; dan - Komponen infrastruktur awam. <p>d. <i>Location plan (google street map)</i>.</p>
		<p><u>LAMPIRAN C:</u> KOS PROJEK</p>	<p>Nilai pelaburan swasta yang terlibat/kos projek dalam bentuk <i>Preliminaries Detailed Abstract (PDA)</i> yang telah disahkan oleh Jurutera/Juruukur Bahan bertauliah, Syarikat & Arkitek. [LAMPIRAN 1A]</p>

BIL	PERKARA	PERINCIAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
		<p><u>LAMPIRAN D:</u> MAKLUMAT TANAH</p>	<p>a. Salinan hak milik tanah terkini; b. Salinan sebarang perjanjian pajakan; c. Salinan <i>Power Attorney</i>; d. Salinan <i>Application for Variation of Title Conditions (AVTC)</i> bagi Sabah & S'wak) / <i>State Planning Approval</i> / Plan Pembangunan sekiranya AVTC tidak dapat dikeluarkan; atau e. Lain-lain dokumen berkaitan.</p>
		<p><u>LAMPIRAN E:</u> MAKLUMAT DANA MUDAHCARA YANG DIPOHON</p>	<p>Kos dan perincian komponen Dana Mudahcara yang dipohon <u>hendaklah disahkan</u> oleh Jurutera/Juruukur Bahan Bertauliah, Syarikat dan Arkitek. [LAMPIRAN 1B]</p>
		<p><u>LAMPIRAN F:</u> MAKLUMAT KEWANGAN PROJEK</p>	<p>a. Unjuran Aliran Tunai Projek (sebelum bantuan Dana Mudahcara); b. Unjuran Aliran Tunai Projek (dengan Bantuan Dana Mudahcara); c. <i>Payback period</i>; d. <i>Project Internal Rate Of Return (IRR)</i>; e. <i>Equity IRR</i>; f. <i>Return on Investment (ROI)</i>; <u>dan</u> g. <i>Return on Equity (ROE)</i>.</p>

BIL	PERKARA	PERINCIAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN															
		<p><u>LAMPIRAN G:</u> DOKUMEN KELULUSAN</p>	<p>Dokumen kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau agensi berkaitan:</p> <table border="1" data-bbox="922 422 1435 869"> <tr> <td data-bbox="922 422 1373 478">Kebenaran Merancang</td> <td data-bbox="1373 422 1435 478"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="922 478 1373 535">Pelan Bangunan</td> <td data-bbox="1373 478 1435 535"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="922 535 1373 592">Pelan Pembangunan (Sabah)</td> <td data-bbox="1373 535 1435 592"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="922 592 1373 701"><i>State Planning Approval</i> (Sarawak)</td> <td data-bbox="1373 592 1435 701"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="922 701 1373 758">AVTC (Sarawak)</td> <td data-bbox="1373 701 1435 758"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="922 758 1373 814">KPM / KPT / KKM</td> <td data-bbox="1373 758 1435 814"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="922 814 1373 869">Lain-lain (nyatakan:)</td> <td data-bbox="1373 814 1435 869"></td> </tr> </table>	Kebenaran Merancang		Pelan Bangunan		Pelan Pembangunan (Sabah)		<i>State Planning Approval</i> (Sarawak)		AVTC (Sarawak)		KPM / KPT / KKM		Lain-lain (nyatakan:)	
Kebenaran Merancang																	
Pelan Bangunan																	
Pelan Pembangunan (Sabah)																	
<i>State Planning Approval</i> (Sarawak)																	
AVTC (Sarawak)																	
KPM / KPT / KKM																	
Lain-lain (nyatakan:)																	
		<p><u>LAMPIRAN H:</u> MAKLUMAT LAIN DANA / GERAN / INSENTIF / SOFT LOAN YANG PERNAH DITERIMA</p>	<table border="1" data-bbox="922 932 1435 1545"> <thead> <tr> <th data-bbox="922 932 1000 989">Bil.</th> <th data-bbox="1000 932 1435 989">Butiran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="922 989 1000 1436">1</td> <td data-bbox="1000 989 1435 1436"> <p>Nama projek:</p> <p>Jenis bantuan: dana / geran / <i>soft loan</i> / <i>matching-grant</i> / insentif MIDA atau mana-mana agensi atau kementerian (nyatakan:)</p> <p>Tahun:</p> <p>Jumlah bantuan:</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="922 1436 1000 1545">2</td> <td data-bbox="1000 1436 1435 1545">Lain-lain bantuan (sekiranya ada:)</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Butiran	1	<p>Nama projek:</p> <p>Jenis bantuan: dana / geran / <i>soft loan</i> / <i>matching-grant</i> / insentif MIDA atau mana-mana agensi atau kementerian (nyatakan:)</p> <p>Tahun:</p> <p>Jumlah bantuan:</p>	2	Lain-lain bantuan (sekiranya ada:)								
Bil.	Butiran																
1	<p>Nama projek:</p> <p>Jenis bantuan: dana / geran / <i>soft loan</i> / <i>matching-grant</i> / insentif MIDA atau mana-mana agensi atau kementerian (nyatakan:)</p> <p>Tahun:</p> <p>Jumlah bantuan:</p>																
2	Lain-lain bantuan (sekiranya ada:)																
		<p><u>LAMPIRAN I:</u> AKUAN BERSUMPAH</p>	<p>Akuan Bersumpah [LAMPIRAN 1C]</p>														

BIL	PERKARA	PERINCIAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
		<u>LAMPIRAN J:</u> AKUAN BERSUMPAH KUMPULAN PROFESSIONAL	Akuan Bersumpah Kumpulan Profesional [LAMPIRAN 1D]
		<u>LAMPIRAN K:</u> SURAT AKUAN INTEGRITI	Surat Akuan Integriti [LAMPIRAN 1E]

LAMPIRAN 1A

FORMAT DOKUMEN *PRELIMINARIES DETAILED ABSTRACT (PDA)*

YEAR		TOTAL PROVISION PROVISION FOR CONSTRUCTION RM						
BRIEF DESCRIPTION OF BUILDINGS								
BIL	BUILDING	FRAME	WALL	ROOF	FLOOR	CEILING	WINDOW	STANDARD
1								
2								
3								
4								
5								
BREAKDOWN OF PRELIMINARIES COST ESTIMATE								COST (RM)
1	PRELIMINARIES							
2	PILING/SPECIAL FOUNDATION Type and Size							
a								
b								
SUB TOTAL								
3	BUILDING	DRAWING NO.		FLOOR AREA, Sqft		COST/Sqft		
a								
b								
SUB TOTAL								
4	INTERNAL SERVICES							
(Example)								
a	Plumbing Installation							
b	Electrical Installation							
c	Fire Protection Installation							
d	Air Conditioning Installation							
e	Lift & Conveyor Installation							
f	Communication Installation							
SUB TOTAL								
5	A. INFRASTRUCTURE WORKS (WITHIN BOUNDARY)							
(Example)								
a	Roads,Hardstanding.							
b	Footpaths & Paving							
c	Surface Drainage							
d	Water Reticulation							
e	Sewerage							
f	Fencing & Gates							
g	Turfing & Soft Landscaping							
h	Elevated Water Tank							
i	Retaining Wall							
SUBTOTAL								
B. INFRASTRUCTURE WORKS (OUTSIDE BOUNDARY)								
(Example)								
a	Acceleration and Deceleration (ACDC) Lanes							
b	Roadworks							
c	Link Bridge							
d	Main Water Supply Pipe							
e	Sewerage/STP							
f	Monsoon Drain							
SUBTOTAL								

Samb...

FORMAT DOKUMEN PRELIMINARIES DETAILED ABSTRACT (PDA)

	C. ANCILLARY BUILDINGS		
	(Example)		
a	Surau		
b	Substation		
	D. GREEN BUILDING INITIATIVES		
	(Example)		
a			
b			
6	PROVISIONAL SUM / OTHER ITEM RELATED TO WORKS		
	(Example)		
a	Loose Furniture		
b	Signages		
	SUBTOTAL		
7	CONTRIBUTION COST		
	(Example)		
a	Tenaga Nasional Berhad		
b	Syarikat Bekalan Air		
c	Telekom Malaysia		
d	Indah Water		
e	PBT		
	SUBTOTAL		
8	PROFESSIONAL FEES		
	(Example)		
a	Architect		
b	Civil & Structural Engineer		
c	Mechanical Engineer		
d	Electrical Engineer		
e	Quantity Surveyor		
	SUBTOTAL		
9	TOTAL (CONSTRUCTION COST) ITEM 1 TO 8		
	Total Floor Area, sqft :	Cost / Sqft :	
10	OTHERS (RELATED TO FINANCIAL)		
	Land matters		
	legal fees		
	land premium		
	TOTAL GROSS DEVELOPMENT (GDC) (ITEM 9 + ITEM 10)		
Quantity Surveyor	Architect/Engineer	Developer	
Date	Date	Date	

AKUAN BERSUMPAH

Saya, (Nama)* dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas

.....
.....

di

di Negeri

pada hari bulan20.....

Di hadapan saya,

[Tandatangani]

.....
**(Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret
atau Pesuruhjaya Sumpah)**

Nota: * Ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat.

AKUAN BERSUMPAH KUMPULAN PROFESIONAL

Saya.....Jurutera/Juruukur Bahan bertauliah dengan No. Pendaftaran mengesahkan bahawa maklumat yang dikemukakan dalam perkiraan/ lukisan/ reka bentuk /spesifikasi projek ini telah dibuat oleh saya atau di bawah seliaan dan arahan saya serta dalam pengetahuan saya berdasarkan piawaian, tatacara kod & etika yang berkaitan serta undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

Yang Benar,

[Tandatangan]

.....

(NAMA & NO. KAD PENGENALAN)

Cop rasmi tauliah:

INTEGRITY PACT
SURAT AKUAN INTEGRITI
(Integrity Pact)

Dana Mudahcara bagi Projek

Saya, (Nama Wakil Syarikat) nombor K.P./MYKad (000000 – 00 – 0000) yang mewakili (Nama Syarikat) nombor pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Kerajaan atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan atau penyaluran Dana Mudahcara, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Kerajaan atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan atau penyaluran Dana Mudahcara, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1. Penarikan balik kelulusan Dana Mudahcara di atas; atau
- 2.2. Penamatan pembiayaan atau pembayaran balik Dana Mudahcara kepada Kerajaan; atau
- 2.3. Lain-lain tindakan undang-undang sedia ada.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan atau penyaluran Dana Mudahcara, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

[Tandatangani]

.....
(NAMA & NO. KAD PENGENALAN)

Jawatan :

Cop Syarikat:

Tarikh :

**Catatan: Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan/Pengarah Eksekutif*